www.yslestari.org.my/**nexus**

NEXUS
Edisi Parlimen



EKONOMI & KEWANGAN

PRASARANA

SUMBER MANUSIA

PERTANIAN

KESIHATAN

SIDANG DEWAN RAKYAT

Parlimen Kelima Belas 2024 Penggal Ketiga (Mesyuarat Kedua)

24 Jun 2024 - 18 Julai 2024

ISI KANDUNGAN

Banteras Kartel Ganggu Pasaran 2
Polemik Pengambilalihan MAHB 4
LKAN, PAC Dedah Kelemahan Pengurusan KESUMA 8
Krisis Pekerja Asing Sektor Perikanan 11
Kebajikan Rakyat atau Petugas Kesihatan? 14
Forest City Bawa Badi Ekonomi Wilayah Selatan 17

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Banteras Kartel Ganggu Pasaran

- Suruhanjaya Persaingan (MyCC) ditubuhkan dengan objektif untuk **menggalakkan dan melindungi proses persaingan** dalam kalangan perusahaan dalam pasaran. MyCC adalah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Malaysia (KPDN).
- Dari segi perundangan, MyCC dijangka akan mencadangkan **pindaan Akta Persaingan 2010** dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 bertujuan i) memperkukuhkan kuasa persaingan dan penguatkuasaan, ii) memperkenalkan Rejim Kawalan Penggabungan untuk membanteras pembentukan kartel atau monopoli baharu dalam pasaran.
- Buat masa ini, MyCC sedang menyiasat 14 kes yang mana ia terdiri daripada 12 kes tipuan bida dan kes kartel harga. 12 kes tipuan bida itu melibatkan lebih daripada 250 syarikat dan nilai perolehan Kerajaan melebihi RM2.3 billion.
- April lalu, MyCC telah mendapati enam kontraktor bersekongkol dalam penipuan bidaan melalui perkongsian maklumat dan penyelarasan dalam penyertaan dalam tender. Dua tender Jabatan Kerja Raya (JKR) dan satu tender Jabatan Saliran dan Pengairan (JPS). Ketiga-tiga tender ini bernilai kira-kira RM473 juta merangkumi penyediaan perkhidmatan bagi kerja-kerja pembinaan jalan raya dan sistem tebatan banjir.
- Walau bagaimanapun keputusan akhir akan dibuat setelah maklum balas diterima daripada semua kontraktor. Sementara itu, MyCC telah berjaya mengenakan penalti RM570 juta terhadap 254 syarikat yang terlibat dalam kartel dan isu monopoli.
- Selain itu, berikutan dakwaan **kartel dalam industri padi dan beras**, Pejabat Kawalselia Padi dan Beras (KPB) telah membuat kenyataan bahawa tiada isu persaingan dalam industri pada 4 Januari 2024. MyCC telah mengambil inisiatif bertemu dengan KPB Januari lepas, namun sehingga kini masih tiada

maklumat dilaporkan. Sebelumnya, MyCC memaklumkan bahawa mereka tidak memulakan sebarang siasatan terhadap mana-mana pihak dalam industri atau menerima maklumat daripada KPB.

RUJUKAN

- Jawapan Bukan Lisan, Parlimen Malaysia, 18 Julai 2024
- Kenyataan Media MyCC, *Eight Contractors Face Possible Fines For Bid Rigging*, 23 April 2024

Polemik Pengambilalihan MAHB

- Pengambilalihan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) oleh konsortium diterajui oleh Khazanah Nasional Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah menimbulkan perdebatan yang hangat. Konsortium yang dikenali sebagai **Gateway Development Alliance** (GDA) turut merangkumi usaha sama antara Abu Dhabi Investment Authority (ADIA) dan Global Infrastructure Partners (GIP) - menerusi GIP Aurea Pte Ltd.
- Perdebatan hangat timbul disebabkan pembelian saham syarikat GIP oleh **Blackrock yang menyokong Israel** melalui pelaburan besar langsung di Israel dan didakwa bersekongkol membekalkan senjata kepada Israel. Perdana Menteri Anwar Ibrahim pula **menepis dakwaan** dengan mengatakan "*...calling it a "baseless" allegation aimed at inciting anger towards his government.*"
- Pelbagai maklum balas kerajaan menimbulkan polemik yang tidak berkesudahan kerana wujud kebimbangan pengambilalihan ini bermaksud menjual aset atau rahsia negara kepada orang asing.
- Senario pengambilalihan saham MAHB:

	Khazanah	**KWSP**	**Lain-lain**
Sebelum	33%	8%	59%
Selepas ambil alih	Konsortium pegang 100% saham MAHB		
	Khazanah & KWSP 70%		GIP (25%), ADIA (5%)

- Perdana Menteri dan kabinet mempunyai **pandangan berubah-ubah** tentang Israel yang melakukan pelbagai pelanggaran hak asasi. Terdahulu PM menyatakan sokongan tidak berbelah bahagi kepada Palestin dan dalam masa yang sama mendukung 'penyelesaian dua negara'.
- Bagaimana mungkin solusi ini boleh dilaksanakan apabila satu pihak terang-terangan melanggar pelbagai hak dalam undang-undang antarabangsa.

Tidak dilupakan, PM pernah mengatakan bahawa beliau menyokong semua usaha untuk melindungi keselamatan negara Israel (2012).

- Kabinet akan membuat keputusan pada hari Rabu (24 Julai) tentang langkah untuk bersama keputusan ICJ dalam mengecam tindakan Israel. Ini berikutan keputusan terkini **Mahkamah Keadilan Antarabangsa** (ICJ) yang mengarahkan Israel untuk menghentikan aktiviti penempatan di Tebing Barat dan Baitul Maqdis Timur yang diduduki dan menamatkan pendudukan haram di kawasan tersebut dan Semenanjung Gaza secepat mungkin.
- Terkini melalui **penerangan Menteri Kewangan** di dalam Kamar Khas Parlimen Malaysia, 3 Julai yang lalu seperti di bawah:
    - Kerajaan tidak menjual saham MAHB, akikatnya Khazanah dan KWSP beli saham MAHB daripada 41% kepada 70%.
    - MAHB berperanan sebagai operator, tidak akan diambil alih oleh warga asing. Kekal milik kerajaan dari segi milik lapangan terbang, keselamatan dan pengurusan. Kerajaan pegang *golden share*: kerajaan berkuasa melantik Pengerusi & Pengarah Urusan MAHB warganegara Malaysia
    - Menyediakan perkhidmatan lapangan terbang terbaik. Lapangan terbang negara ketinggalan berbanding negeri serantau. Peningkatan laluan penerbangan jarak jauh, jumlah kemasukan pelancong, penganugerahan, kesesakan trafik di lorong ketibaan. Kerajaan perlu RM10 bilion setahun untuk operasi lapangan terbang.
    - Penyahsenaraian MAHB daripada pasaran awam akan membolehkan pembaharuan MAHB disegerakan.
    - Penglibatan GIP dan ADIA selaku pelabur dan teknikal minoriti, beri khidmat nasihat dan kongsi kepakaran.
- Antara hujah **mempersoalkan pengambilalihan** ini adalah:

- Amerika Syarikat kini mungkin memiliki kawalan maklumat atas ruang udara Malaysia.
- Prestasi sebenar GIP tidak sebaik yang dicanangkan.
- MAHB adalah syarikat yang dilaporkan mempunyai prestasi yang baik, kenapa diswastakan?
- Di mana Kementerian Pelancongan dalam meningkatkan jumlah pelancong?

- Di mana **Pelan Strategik Lapangan Terbang Negara** (NASP)? Merujuk kepada rancangan membangunkan Kulim International Airport (KXP), antara hujah kerajaan membantah adalah kajian NASP KXP belum dimuktamadkan. Namun, berbeza dengan peruntukan untuk pengembangan Penang International Airport yang terus diluluskan tanpa melalui proses yang mencukupi (rujuk Nexus Edisi #9). Begitu juga dalam hal penstrukturan MAHB, sejauh mana ia mengambil kira NASP secara keseluruhannya.
- **MAVCOM** (2019) juga telah memberikan cadangan untuk NASP merangkumi cadangan antaranya i) pemansuhan *golden share*, ii) pelaksanaan rangka kerja kualiti perkhidmatan lapangan terbang, dan iii) pembiayaan pembinaan, operasi, dan penyelenggaraan lapangan terbang komersial sepatutnya dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta.
- **Cadangan liberalisasi** turut dicadangkan merangkumi rundingan hak trafik udara (ATR) yang lebih besar melalui perjanjian perkhidmatan udara (ASAs), menggalakkan pemilikan swasta, serta mengurangkan dan merungkai halangan untuk masuk (*barriers to entry*), sekali gus menggalakkan persaingan dalam sektor tersebut.
- MAVCOM juga sepatutnya terlebih dahulu membuat penyiasatan berdasarkan peranan sebagai penguatkuasa persaingan dan advokasi perlindungan pengguna. Namun demikian, MAVCOM disibukkan dengan pembubaran dan digabungkan dengan **CAAM** (Jun 2024). Terkini, CAAM perlu

mengambil tindakan meredakan ketegangan dengan meyakinkan umum bahawa negara dan pengguna masih menjadi keutamaan.

RUJUKAN

- Penerangan Oleh YB Menteri Kewangan (II) dalam Kamar Khas, Parlimen Malaysia, 3 Julai 2024
- Tengku Zafrul pertahan pembabitan BlackRock dalam MAHB, 2 Jun 2024, https://tinyurl.com/2y9b5byb
- Advisory Opinion: Legal Consequences Arising From The Policies And Practices Of Israel In The Occupied Palestinian Territory, Including East Jerusalem, ICJ, 19 Julai 2024, https://tinyurl.com/4d79wvcx

LKAN, PAC Dedah Kelemahan Pengurusan KESUMA

- Pendedahan isu kelemahan tadbir urus **Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia** (HRD Corp) melalui laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara (LKAN) dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) telah menghangatkan sesi perbahasan usul pada persidangan Dewan Rakyat sidang kali ini.

- Melalui Laporan yang disiarkan pada 4 Julai 2024, Ketua Audit Negara, Wan Suraya Wan Mohd Radzi dalam kenyataannya mendesak Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) mengambil tindakan tegas terhadap pengurusan HRD Corp yang disifatkan beliau **tidak mematuhi prosedur** dan tidak menjaga kepentingan organisasi itu dalam mencapai fungsi utama penubuhannya.



- Isu tersebut turut disokong melalui pendedahan yang dibuat oleh PAC pada tarikh yang sama dalam laporan penuh setebal 922 muka surat. Menurut Pengerusi PAC, Datuk Mas Ermieyati Samsudin, berkata wujud masalah pengurusan dan tatakelola yang serius yang telah mendedahkan HRD Corp kepada risiko kerugian dalam pelaburan serta salah guna dana awam.

- Antara lainnya, PAC mendapati HRD Corp secara tidak amanah telah menggunakan wang berjumlah RM3.77 bilion hasil kutipan levi daripada majikan kepada aktiviti **pelaburan berisiko tinggi**. Selain itu, terdapat isu **salah urus dana** ratusan juta ringgit melibatkan geran latihan, pelaburan dan pembelian hartanah oleh HRD Corp.

- Semasa perbahasan usul oleh sepanjang minggu ke-3 dan ke-4 persidangan Dewan Rakyat lalu, rata-rata Ahli Parlimen mempersoalkan sikap tidak proaktif

kepimpinan tertinggi KESUMA yang gagal bertindak segera selain membiarkan isu ini berlarutan hingga disiasat dan didedahkan oleh LKAN dan PAC.

- Semasa sesi perbahasan usul, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin berkata isu pelaburan tidak teratur dan laporan tidak tepat diberikan kepada menteri sehingga menimbulkan krisis kepercayaan dalam kalangan rakyat adalah satu isu yang serius dan perlu diambil perhatian. Justeru, beliau mencadangkan agar Ketua Pegawai Eksekutif HRD Corp, Datuk Shahul Hameed Sheikh Dawood, diberi **cuti sementara** ketika siasatan sedang dijalankan.

- Sementara itu, Ahli Parlimen Putrajaya, Dr. Radzi bin Jidin ketika perbahasan telah mengemukakan cadangan agar kerajaan membuat satu pelan yang komprehensif dengan meneliti satu persatu kelemahan dalam sistem kawalan dalaman atau *internal control* selain mewujudkan '*key business processes*' bagi setiap gerak kerja dalam HRD Corp.

- Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim pula menyatakan pendirian bersetuju dengan saranan PAC agar HRD Corp mesti mewujudkan garis panduan bagi perolehan aset termasuk dan tidak terhad kepada *limit of authority* (LOA) dan SOP supaya terdapat satu proses piawaian prosedur yang konsisten dan memastikan pelaksananya dipatuhi sepenuhnya.

- Mengulas lanjut, Menteri berkenaan Steven Sim Chee Keong dalam penjelasannya di Parlimen menyatakan, KESUMA telah mengambil semua langkah yang wajar sejak laporan mengenai tadbir urus HRD Corp didedahkan kepada umum. Ini termasuk membuat laporan kepada pihak polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

- Beliau turut menegaskan untuk tidak menuding jari atau melindungi sesiapa dalam isu ini. Malah, sekiranya siasatan menjurus kepada mana-mana individu bersalah, beliau sendiri tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tanpa mengira individu tersebut berpangkat menteri, timbalan menteri atau pengurusan tertinggi.

- Dalam perkembangan berkaitan, pihak SPRM memaklumkan sehingga 11 Julai 2024, 10 individu telah hadir ke Ibu Pejabat SPRM berkaitan kes HRD Corp. Menurut Pengarah Kanan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim berkata, siasatan SPRM menjurus kepada elemen-elemen jenayah yang tertakluk mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.
- Terdahulu, pasukan khas SPRM turut hadir ke KESUMA di Putrajaya dan Menara HRD Corp, di Bukit Damansara, bagi mengambil beberapa kotak dokumen berkaitan untuk tujuan siasatan penuh berkenaan isu tersebut.

RUJUKAN

- Penyata Rasmi (Hansard), Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga Parlimen Kelima Belas (2024), 15 Julai 2024, Halaman 50 - 71
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/isu-hrd-corp-hangatkan-sesi-perbahasan-dewan-rakyat-478336
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hrd-corp-guna-rm377-bilion-untuk-pelaburan-risiko-tinggi-kaedah-pembelian-harta-mencurigakan-pac-477561

Krisis Pekerja Asing Sektor Perikanan

- Sektor perikanan negara menghadapi masalah pekerja asing di mana daripada jumlah 130 ribu orang nelayan, 30 ribu adalah warga asing. Di samping itu, sektor ini juga memerlukan kru warga asing untuk menggerakkan 740 buah bot C2 yang sekarang ini terbeban dengan isu **Pas Lawatan Kerja Sementara** (PLKS).

- Sebelum ini, **nelayan warga asing** dibenarkan bekerja di Malaysia dengan menggunakan *seaman pass* tanpa pasport. Namun, mulai 1 Januari 2022, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan juga Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) telah mengeluarkan **syarat baharu** iaitu semua kru warga asing wajib mempunyai pasport dan cop lakri.

- Kini, terdapat 11,000 orang kru warga asing adalah tiada negara (*stateless*) yang sudah berada di atas bot tetapi tidak mempunyai pasport dan cop lakri. Mereka seolah-olah terperangkap kerana dasar dan peraturan semasa yang tidak membenarkan mereka diberikan PLKS. Masalah ini telah berlarutan sejak tahun 2022 iaitu selama dua tahun.



- Menurut Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, 740 buah bot C2 itu menggunakan 100% pekerja asing kerana rakyat Malaysia tidak mahu bekerja untuk sektor laut dalam. Apabila perkara ini berlaku, 30% daripada hasil tangkapan akan hilang.

- Setelah perkara ini dibawa ke **Jawatankuasa Pilihan Khas** Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup Dan Pertanian, kerajaan

bersetuju agar masalah kru warga asing yang tidak dapat menangkap ikan di perairan negara perlu diselesaikan dengan memberi permit khas dan mengadakan SOP seperti berikut: (i) pemilik bot wajib menjadi guarantor kepada kru asing; (ii) Pegawai Perikanan Daerah menjadi inspektor dengan memastikan bahawa keberadaan nelayan warga asing di atas bot disahkan; dan (iii) *Officer in-Charge of Police District* (OCPD) akan membuat penaziran.

- Timbul persoalan di sini, sampai bilakah negara **terpaksa bergantung dengan pekerja asing** untuk tangkapan hasil C2 apabila kita terus-menerus memberi permit khas dan pelepasan kepada pekerja asing? Kerajaan sepatutnya membuat galakan dan membuka sektor tersebut kepada anak muda tempatan.

- Isu ini sebenarnya juga berkaitan dengan isu bot nelayan asing yang dilesenkan dengan lesen tempatan. Berlaku kes di mana **bot Vietnam** yang masuk ke perairan kita turut berlabuh di Pelabuhan Chendering kerana mereka mempunyai lesen yang disewa daripada warga tempatan. Bot tersebut juga diklonkan menggunakan nombor pendaftaran bot tempatan dengan satu lesen tersebut.

- Isu ini berlaku rentetan daripada isu pekerja asing tidak dapat pas pekerjaan kerana keadaan *stateless* mereka. Jadi mereka seolah-olah tiada pilihan untuk mencari sumber pendapatan melainkan mendapat lesen daripada warga tempatan.

- Selain itu, timbul juga persoalan berapa kalikah kekerapan penaziran yang perlu dibuat oleh Pegawai Perikanan Daerah dan OCPD untuk memastikan nelayan warga asing itu memenuhi syarat permit khas tersebut?

- Walaupun kerajaan buat masa ini cuba untuk memanfaatkan warga *stateless* yang sudah berada di perairan negara kita, tetapi langkah yang diambil sekarang tidak menyelesaikan masalah kekurangan anak muda menceburi

pekerjaan 3D *(dirty, dangerous, difficult)* dan isu rentetan daripada permasalahan pekerja asing.

RUJUKAN

- Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup Dan Pertanian - Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat Dan Inisiatif Gelombang Padi.

Kebajikan Rakyat atau Petugas Kesihatan?

Reformasi Pembiayaan Penjagaan Kesihatan

- Kementerian Kesihatan akan mengumumkan pelan **Reformasi Pembiayaan Penjagaan Kesihatan** yang bertujuan memperkukuh dan menambah baik sistem penjagaan kesihatan di Malaysia.
- Ini bagi memperbaiki kedudukan kewangan kementerian bagi kebaikan sistem kesihatan agar tidak tergugat dengan status fiskal negara. Malaysia sepatutnya membelanjakan 6%-7% daripada KDNK untuk penjagaan kesihatan, berbanding 5.1% ketika ini.
- **Kertas Putih Kesihatan** yang telah dibentangkan pada Jun 2023 mencadangkan pelaksanaan program insurans kesihatan sosial kebangsaan. Program ini mensasarkan pembiayaan kesihatan daripada pelbagai sumber termasuk kerajaan, perseorangan dan syarikat, di bawah pengurusan awam dengan sasaran 5% daripada KDNK.
- Antara prinsip yang digunakan ialah:
    - Pelaburan untuk kesihatan menjadi tanggungjawab bersama
    - Keperluan penjagaan kesihatan golongan miskin
    - Cukai pro-kesihatan sebagai pengubah tingkah laku.
- Perdana Menteri juga menerusi kenyataan beliau pada 31 Mei 2024 juga menyentuh hal ini, setelah mempengerusikan Mesyuarat MySPC. Majlis itu membincangkan strategi pengukuhan program insurans sosial sebagai persediaan menghadapi **risiko negara tua**.

- PMX mahu membawa anjakan daripada pendekatan bantuan sosial berasaskan kebajikan kepada **perlindungan risiko** mengikut kitaran hidup rakyat Malaysia.

- Persoalannya, adakah kerajaan akan memperkenalkan sistem pembiayaan kesihatan berasaskan **cukai pekerjaan**? Jika ya, bagaimana hendak menangani senario Malaysia mempunyai pekerja sektor tidak formal atau bekerja sendiri yang besar? Adakah kerajaan menjangkakan peningkatan kos memandangkan ia melibatkan birokrasi dan prosedur yang rumit?

Polemik *Parallel Pathway* dan pindaan Akta Perubatan

- Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad menyebut ada ketidakaturan bukan sahaja dalam program Parallel Pathway (PPP) tetapi termasuk juga program sarjana (master) perubatan. Oleh itu, **pindaan Akta Perubatan** telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama pada 15 Julai 2024.

- Cadangan pindaan ini menerima **reaksi yang berbeza**. Kebanyakan persatuan perubatan dan doktor muda cenderung untuk menerima pindaan melihatkan kepada keperluan pakar perubatan, terutama bagi fasiliti kesihatan awam. Manakala segelintir doktor senior dan pertubuhan dari pelbagai latar belakang menolaknya.



- Alasan penolakan tersebut adalah kerana sepatutnya KKM perlu mematuhi semua undang-undang untuk membolehkan kelayakan program didaftarkan dalam MQR dan pakar pelatih dapat didaftarkan dalam NSR. Hal ini bagi menjamin **kualiti kelayakan pelatih** dan mengutamakan keselamatan rakyat.

- Kerjasama KKM, KPT dan Akademi perlu untuk **memperkasakan program kepakaran** daripada universiti tempatan dan bukannya memberi kelonggaran kepada kelayakan luar negara yang tidak diiktiraf di negara asal. Kemelut ini tidak akan berlaku jika setiap agensi memainkan peranan hakiki mereka:

    - KPT - Pemberi Pendidikan Tinggi (*Higher Education Provider*)

    - KKM - Pemberi Khidmat Kesihatan (*Healthcare Provider*)

- Rentetan itu, apakah jaminan kerajaan apabila akta ini dipinda, tidak akan berlaku senario penghijrahan tenaga pakar perubatan dari fasiliti kesihatan awam ke hospital swasta atau luar negara kerana imbuhan yang lebih menarik?

- Adakah kerajaan bersedia untuk menambah peruntukan bagi menampung peningkatan permintaan program Master atau PPP di samping kesempitan belanjawan kesihatan sedia ada?

RUJUKAN

- Penyata Rasmi (Hansard), Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga Parlimen Kelima Belas (2024), 17 Julai 2024

- https://theedgemalaysia.com/node/692322

- https://codeblue.galencentre.org/2024/07/11/memorandum-to-the-health-minister-and-health-parliament-committee-on-the-parallel-pathway-10-academics-and-ngo-representatives/

- https://codeblue.galencentre.org/2024/06/24/codeblues-guide-for-mps-to-parallel-pathway-issue/

Forest City Bawa Badi Ekonomi Wilayah Selatan

- Idea menjadikan **Forest City sebagai zon bebas cukai** telah tercetus sewaktu zaman pentadbiran Najib Razak, Mantan Perdana Menteri. Inisitif ini bertujuan untuk menjadikan Forest City sebagai hub ekonomi global. Melalui pindaan Rang Undang-undang (RUU) yang telah diluluskan pada sidang parlimen baru-baru ini, ia telah mendefinisikan Forest City sebagai 'Pulau 1'.
- Pindaan ini juga bertujuan untuk menyeragamkan akta yang berkaitan bagi memperkemas sistem penguatkuasaan dan kawalan yang perlu diambil oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).
- Pembinaan Forest City merangkumi keluasan 4,987 ekar merangkumi pembangunan tanah besar di daerah Johor Bharu dan tiga pulau buatan. Bandar tersebut dibahagikan kepada beberapa zon seperti hartanah (perumahan dan komersial), penjagaan kesihatan, pelancongan, pendidikan, industri pintar & hijau dan hab kewangan serta e-dagang.
- Kerajaan bercadang menjadikan Forest City sebagai Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) bagi mengimbangi pertumbuhan ekonomi domestik dan mengambil peluang limpahan ekonomi daripada Singapura.



- Namun begitu, pembangunan Forest City juga tidak terlepas dari kritikan dan kontroversi. Terdapat pihak yang mengkritik tahap kompeten syarikat pemaju yang mengendalikan projek ini. Syarikat bernama **Country Garden Pacificview** Sdn. Bhd. dikritik kerana tidak berjaya memberi sumbangan dan hasil ekonomi kepada kerajaan Negeri dan Persekutuan. Syarikat tersebut memiliki sebanyak 60% saham dan baki 40% saham dimiliki oleh syarikat tempatan iaitu Esplanade Danga 88 Sdn. Bhd.
- Berita luar negara juga melaporkan bahawa syarikat tersebut berdepan dengan krisis kewangan akibat kegagalan membayar bon sebanyak AS$11 bilion. Syarikat tersebut juga dilaporkan mengalami kejatuhan saham sebanyak 14% akibat krisis kewangan.
- Rakyat Malaysia juga turun menzahirkan kebimbangan terhadap prospek **lambakan perumahan mewah dan kerosakan alam sekitar** yang berpunca daripada kerja-kerja tambakan tanah secara besar-besaran. Sekali gus ia mengorbankan ekonomi nelayan di sekitar Tanjung Kupang. Pembinaan projek tersebut juga telah menyebabkan kemusnahan pokok-pokok bakau Ramsar sekali gus menjejaskan ekosistem paya bakau di kawasan tersebut.
- Tambahan pula, pelaksanaan projek Forest City dikatakan tidak mempunyai '**Detail Environment Impact Assessment** ' (DEIA). DEIA merupakan merupakan dokumen kelulusan yang penting bagi memberi kebenaran merancang dan melaksanakan kerja-kerja penambakan.
- Pasaran hartanah Forest City juga dilihat sebagai projek hartanah mewah yang gagal dan bermasalah kerana sasaran utamanya adalah pembeli luar negara. Ia menjadikan bandar tersebut sebagai **bandar berhantu** yang bergantung pada kegiatan kedai-kedai bebas cukai. The Edge Market menyatakan bahawa Forest City telah diberi status "junk" sebanyak dua kali oleh firma penilai kredit antarabangsa iaitu Moody's Investors Services (Moody's).

- Kesimpulannya, kerajaan perlu meneliti semula pemilikan hartanah yang dipasarkan di Forest City bagi mengimbangi pemilikan asing. Dengan adanya zon bebas cukai di Forest City, menjadi tanggungjawab kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk menilai semula pembangunan dan polisi yang telah mengeluarkan tanggapan negatif terhadap bandar mewah tersebut.



YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Untuk maklumat lanjut mengenai penerbitan edisi terkini,
sila layari www.yslestari.org.my/**nexus**

© Hak Cipta Terpelihara